

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN ANYI NGAU
[BARAM]**

TARIKH : 16.06.2015 (Selasa)

NO. SOALAN : 43

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah pencapaian pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) di dalam menyediakan rumah baru kepada golongan miskin tegar di Baram setakat tahun 2014, serta, adakah ianya mengikut spesifikasi yang mengambil kira faktor jumlah isi rumah, kesesuaian geografi serta budaya setempat seseorang penerima bantuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sehingga tahun 2014, sejumlah **89 buah rumah** telah dibina di kawasan Baram, Sarawak dengan melibatkan kos berjumlah **RM4.15 juta**.

Kementerian sememangnya memberi perhatian berkaitan aspek kualiti dan kesesuaian penyediaan rumah yang dilaksanakan di bawah program ini mengikut keperluan pemohon. Sebagai contoh, spesifikasi rumah PBR yang disediakan kepada pemohon disesuaikan dengan bilangan isi rumah maksimum sehingga tiga(3) bilik. Selain itu, reka bentuk rumah PBR turut disediakan secara teres/rumah panjang yang mana mengambil kira dengan aspek geografi dan budaya setempat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 16 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN : 44

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan mengkoordinasi pemeriksaan/sekatan jalan raya dengan kerjasama PLUS iaitu sewaktu terdapat banyak kenderaan berat berada di lebuh raya dengan bantuan pemantauan pusat kawalan 'CCTV' dan kawasan yang sering dilalui oleh kenderaan berat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penguatkuasaan secara bersepadu melalui pemeriksaan/sekatan jalan raya terhadap kenderaan berat sentiasa dijalankan oleh agensi-agensi penguatkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010 dan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987. Penguatkuasaan yang dijalankan ini melibatkan kesalahan-kesalahan tidak mematuhi syarat permit kenderaan perdagangan seperti membawa muatan secara berlebihan selain kesalahan-kesalahan lalu lintas yang diperuntukkan di bawah APJ 1987.

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan hendaklah tidak seharusnya berpaksi kepada secara bersepadu semata-mata kerana JPJ ataupun SPAD mempunyai kuasa yg sama untuk menguatkuasakan APAD 2010 tanpa kehadiran salah satu agensi. Pendekatan ini dilihat lebih berkesan kerana aktiviti penguatkuasaan boleh dilaksanakan pada bila-bila masa sahaja tanpa perlu menunggu penguatkuasaan secara bersepadu dilaksanakan. Kekерapan operasi penguatkuasaan akan meningkatkan tahap *Perception Of Being Caught* (POBC) dan sekaligus dapat memastikan peraturan-peraturan berkaitan dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan CCTV di lokasi-lokasi tertentu seperti di lebuh raya dan jalan persekutuan adalah digunakan untuk pelbagai tujuan seperti

keselamatan jenayah selain memantau pergerakan aliran trafik dalam menangani isu kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak. Sememangnya pemantauan melalui CCTV ini adalah membantu dalam memberi sebarang maklumat kepada agensi-agensi penguatkuasa dalam melaksanakan operasi atau siasatan.